BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

No. Ruj.: 03/09/11

EMBARGO: Tidak boleh disiarkan atau dicetak sebelum pukul 1800 pada hari Rabu, 25 Mac 2009

SIARAN AKHBAR

LAPORAN KESTABILAN KEWANGAN DAN SISTEM PEMBAYARAN 2008

Laporan Kestabilan Kewangan dan Sistem Pembayaran 2008 (Laporan) mengemukakan penilaian Bank Negara Malaysia (Bank) mengenai risiko dan cabaran yang dihadapi oleh sektor kewangan Malaysia serta inisiatif utama yang diambil oleh Bank untuk mengekalkan keyakinan pasaran, memastikan fungsi pengantaraan dana berterusan dalam sistem kewangan dan memelihara kestabilan kewangan secara keseluruhan. Laporan ini juga meliputi inisiatif pembangunan yang diusahakan oleh Bank ke arah memperkukuh peranan sektor kewangan sebagai pemacu pertumbuhan dan merealisasikan potensinya sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi negara pada masa akan datang.

Penilaian Risiko dan Prestasi Institusi Kewangan

Sepanjang tahun 2008, sektor kewangan Malaysia terus stabil dan berdaya tahan dalam kemelut pasaran kewangan dan ekonomi global. Kesan kemelut pasaran kewangan global terhadap sektor kewangan domestik terus terkawal dengan baik memandangkan dedahan secara langsung dan tidak langsung yang terhad terhadap sekuriti dan syarikat yang terlibat dalam kemelut kewangan global. Langkah-langkah pencegahan awal yang dilaksanakan Kerajaan dan Bank Negara Malaysia sepanjang tahun itu berjaya memelihara keyakinan dan kestabilan dalam sektor kewangan. Kedudukan pemodalan dan kesolvenan terus kukuh dengan penampan kewangan yang besar, disokong oleh struktur institusi yang lebih utuh serta amalan tadbir urus dan pengurusan risiko yang lebih mantap. Nisbah modal wajaran risiko (risk-weighted capital ratio, RWCR) sektor perbankan ialah 12.6% pada akhir Januari 2009, nyata melebihi keperluan minimum 8%, manakala kedudukan modal lebihan berjumlah RM38.4 bilion, lantas menyediakan penampan yang selesa kepada sebarang kemungkinan kerugian di luar jangkaan. Kadar keuntungan sistem perbankan meningkat 8.3%

untuk mencatat keuntungan sebelum cukai belum diaudit sebanyak RM19.2 bilion pada tahun 2008. Prestasi ini menurun sedikit disebabkan oleh pendapatan lebih rendah daripada aktiviti pelaburan dan perbendaharaan. Dedahan sektor perbankan kepada risiko pertukaran masih lagi terkawal, dengan kedudukan terbuka bersih mencakupi 4.6% daripada jumlah asas modal (2007: 4.9%). Sepanjang tahun 2008, sektor perbankan terus menyokong keperluan pembiayaan ekonomi. Walaupun terdapat sedikit penyederhanaan dalam jumlah pinjaman baharu yang diluluskan, aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan terus memberangsangkan dan meningkat 12.8% pada tahun 2008. Portfolio pembiayaan tertumpu terutamanya pada sektor berasaskan runcit dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dengan masing-masing mencakupi 53.4% dan 17.2% daripada jumlah pinjaman dan pembiayaan terkumpul. Nisbah pinjaman tak berbayar (non-performing loan, NPL) bersih kekal rendah pada 2.2% pada akhir Januari 2009 (2007: 3.2%), mencerminkan keupayaan institusi perbankan menguruskan risiko dengan lebih baik. Program-program penambahan modal yang diambil atau sedang dirancang oleh institusi perbankan akan terus memperkukuh keupayaan mereka untuk menyerap risiko yang mungkin timbul pada masa akan datang ekoran kelembapan ekonomi, dan yang lebih penting, akan membolehkan institusi perbankan terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangan dengan cekap lagi berkesan.

Walaupun sektor insurans dan takaful mencatat kedudukan kesolvenan yang lebih kukuh pada RM16.6 bilion (2007: RM11.7 bilion) dan mencapai nisbah kecukupan modal setinggi 187.6%, jauh melebihi keperluan minimum 100% (2007: 158.4%), sektor ini berdepan dengan cabaran untuk mengekalkan pertumbuhan premium dan sumbangan daripada perniagaan baharu dalam keadaan persaingan yang sengit dalam industri. Jumlah pendapatan premium dan sumbangan bersih meningkat 2.4%, terutamanya hasil daripada bahagian pasaran perniagaan takaful yang lebih besar. Pertumbuhan sebanyak 5.5% dalam perniagaan insurans dan takaful am dijana terutamanya daripada pengembangan dalam segmen kebakaran. Sementara itu, jumlah premium baharu segmen insurans hayat dan takaful keluarga meningkat dengan sederhana sebanyak 1%, disebabkan oleh permintaan yang rendah terhadap perniagaan berkaitan pelaburan (investment-linked business). Keuntungan pengendalian perniagaan insurans dan takaful merosot 44.5% kepada RM0.7 bilion, khususnya disebabkan oleh kerugian yang bakal ditanggung dan kemerosotan dalam portfolio insurans motor seperti yang dicerminkan oleh nisbah tuntutan yang lebih tinggi iaitu 84.2% (2007: 79.6%).

Pasaran kewangan domestik kekal teratur, walaupun berlaku keadaan turun naik harga yang tinggi, aliran keluar yang lebih besar dan jumlah urus niaga yang lebih rendah, kerana sokongan jumlah mudah tunai dalam sistem yang lebih daripada mencukupi. Mudah tunai dalam pasaran dolar AS adalah lebih ketat, selaras dengan pengetatan global mata wang tersebut. Sektor korporat terus mempunyai akses kepada pasaran bon sebagai sumber dana jangka panjang, dengan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) mencakupi 57.8%

daripada jumlah PDS dan pinjaman perbankan terkumpul kepada sektor korporat.

Sektor isi rumah dan perniagaan secara keseluruhan menunjukkan keupayaan dan fleksibiliti yang tinggi dalam menghadapi cabaran pada tahun 2008. Sektor-sektor tersebut memasuki persekitaran yang semakin mencabar ini dengan kedudukan yang kukuh dan disokong oleh penampan kewangan yang teguh. Walaupun menghadapi cabaran terhadap pendapatan dan tekanan turun naik kos yang lebih besar, keupayaan membayar hutang perniagaan kekal secara relatif di tahap selesa pada tahun 2008. Nisbah NPL kasar perniagaan secara keseluruhan menurun kepada 6% pada akhir tahun 2008 (2007: 8%), sementara nisbah NPL kasar PKS lebih rendah pada 6.8% (2007: 9.1%). Sektor perniagaan terus menerima pembiayaan daripada sektor perbankan. Sebanyak RM147.9 bilion pinjaman baharu disalurkan kepada sektor perniagaan pada tahun 2008.

Sektor isi rumah terus disokong oleh kedudukan kewangan yang baik dengan kadar keberhutangan yang lebih rendah. Dalam suasana kebimbangan terhadap prospek pekerjaan, permintaan terhadap pembiayaan baharu merosot apabila sektor isi rumah menjadi lebih berhati-hati dalam menguruskan kedudukan kewangan dan hutang mereka. Nisbah NPL kasar isi rumah terus bertambah baik pada 4.2% pada akhir tahun 2008 (2007: 5.4%).

Penekanan inisiatif pengawalseliaan kehematan terus tertumpu ke arah meningkatkan kemantapan tadbir urus korporat dan amalan pengurusan risiko, serta pelaksanaan rejim kecukupan modal yang lebih kukuh merentas sektor utama industri perkhidmatan kewangan.

Pelaksanaan rangka kerja Basel II terus berjalan mengikut perancangan, dengan 77% daripada institusi perbankan memilih untuk menerima pakai Pendekatan *Standardised* bagi menentukan keperluan modal berkuat kuasa 1 Januari 2008. Institusi perbankan lain yang merancang untuk menerima pakai Pendekatan Berdasarkan Penarafan Dalaman (Internal Ratings Based, IRB) bagi risiko kredit dibenarkan untuk terus berada di bawah rejim Basel I sehingga tahun 2010. Satu Rangka Kerja Modal bagi Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) juga telah diperkenalkan, yang mengambil kira mandat khusus IKP dalam pembangunan ekonomi. Perkembangan yang menggalakkan juga telah dicapai dalam perumusan satu rangka kerja modal yang lebih kukuh untuk aktiviti pengsekuritian dan peningkatan Rangka Kerja Mudah Tunai bagi menyokong pengurusan aliran tunai mata wang asing yang kukuh. Keperluan ini akan dilaksanakan pada tahun 2009. Kepentingan untuk menyemai amalan pengurusan risiko yang mantap dalam institusi perbankan terus diperkukuh melalui usaha Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) menentukan kadar premium berasaskan risiko melalui Sistem Premium Pembezaan (Differential Premium System).

Usaha-usaha untuk memperkukuh kedudukan kesolvenan sektor insurans telah mencapai kemajuan yang nyata dengan pelaksanaan Rangka Kerja Modal Berasaskan Risiko (Risk-Based Capital, RBC) pada 1 Januari 2009. Rangka kerja ini memperuntukkan asas modal yang kukuh bagi syarikat insurans untuk beroperasi pada tahap risiko yang berlainan selaras dengan kemampuan pengurusan risiko syarikat insurans. Usaha-usaha peringkat awal juga telah dilaksanakan pada tahun 2008 untuk membangunkan Rangka Kerja RBC yang sama buat pengendali takaful.

Melangkah ke hadapan, persekitaran akan menjadi kian mencabar dan boleh memberikan tekanan yang lebih besar terhadap pendapatan serta kegagalan dan kemungkiran peminjam untuk membayar hutang. Walau bagaimanapun, beberapa siri ujian ketahanan berdasarkan senario yang dijalankan terhadap risiko-risiko kredit, pasaran dan mudah tunai di peringkat sistem dan setiap institusi mengesahkan bahawa keupayaan sistem kewangan untuk menghadapi kemungkinan kejutan kewangan makro yang ketara dan buruk, terus mantap. Kedudukan lebihan modal adalah sebanyak RM38.4 bilion pada akhir Januari 2009 berbanding jumlah kerugian yang dicatatkan oleh sistem perbankan sebanyak RM5.7 bilion pada tahun 1998 apabila keluaran dalam negeri kasar (KDNK) menguncup 7.4%. Potensi bertambahnya jumlah peminjam yang gagal membayar hutang dijangka berada pada tahap yang terkawal. Ini hasil daripada langkah-langkah proaktif institusi perbankan untuk mengurangkan risiko perbankan seperti mendekati dan membantu para peminjam yang berkemungkinan menghadapi tekanan kewangan, melalui penyusunan dan penjadualan semula pinjaman yang sedia ada. Walaupun keuntungan dijangka menurun di bawah senario tekanan ekonomi yang lebih teruk, kewujudan penampan modal yang kukuh membolehkan sistem perbankan menyerap sebarang kesan negatif yang mungkin timbul, sambil terus mengekalkan RWCR dan nisbah modal teras pada tahap yang kukuh, masing-masing melebihi 8% dan 6%. Ujian ketahanan ini telah dijalankan sebelum mengambil kira program-program peningkatan prestasi keuntungan dan modal tahun 2009 yang telah dirancang atau sedang dilaksanakan oleh institusi perbankan. Ujian ketahanan yang sama yang dijalankan terhadap industri insurans dan takaful menunjukkan bahawa keuntungan dan pemodalan beberapa peserta industri akan terjejas di bawah senario yang lebih buruk. Namun, sistem kewangan kekal utuh untuk menyokong keperluan kewangan ekonomi walaupun di bawah persekitaran yang lebih mencabar pada masa hadapan. Bank pula akan terus memperkukuh pemantauannya terhadap keadaan makroekonomi dan juga aktiviti pengawalseliaannya bagi membolehkan pengesanan awal risiko yang mendatang supaya tindakan awal dapat diambil. Langkah ini akan disokong oleh perbincangan dan koordinasi yang lebih giat antara Bank dengan pengawal selia dalam negeri serta antarabangsa.

Fokus berterusan terhadap tadbir urus korporat telah diperkukuh oleh Program Pendidikan untuk Pengarah Institusi Kewangan (Financial Institutions Directors' Eduation Programme, FIDE) yang dilancarkan pada November 2008. FIDE, yang merupakan hasil kerjasama Bank Negara Malaysia, Perbadanan Insurans Deposit Malaysia dan Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa, bermatlamat meningkatkan keberkesanan lembaga pengarah institusi-institusi kewangan dengan memperkukuh pengetahuan dan kemahiran mereka untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing apabila berdepan dengan landskap kewangan yang lebih rumit.

Pembangunan Sektor Kewangan

Sepanjang tahun 2008, fokus pembangunan Bank tertumpu pada usaha mengekalkan keyakinan dan daya tahan dalam sektor kewangan, serta memastikan sektor kewangan terus melaksanakan fungsi pengantaraan kewangannya dengan berkesan untuk menyokong aktiviti ekonomi. Usaha juga dijuruskan ke arah pelaksanaan inisiatif pembangunan jangka panjang yang bermatlamat untuk membina sistem kewangan yang berdaya tahan, berkesan dan lebih pelbagai.

Usaha bersepadu yang diambil sepanjang tahun 2008 adalah untuk memastikan sektor perniagaan, khususnya PKS, terus mendapat akses pembiayaan yang mencukupi. Kemudahan–kemudahan Bantuan PKS dan Pemodenan PKS, dan Skim Bantuan Jaminan PKS masing-masing telah diwujudkan pada tahun 2008 dan 2009 bagi tujuan ini. Dua skim tambahan, iaitu Skim Jaminan Modal Kerja dan Skim Jaminan Pinjaman Penstrukturan Semula Industri telah dilancarkan pada awal tahun 2009 untuk menambah saluran buat syarikat-syarikat mendapatkan dana bagi tujuan modal kerja dan juga menyokong aktiviti pelaburan jangka panjang bagi meningkatkan produktiviti dan menjana aktiviti nilai tambah yang tinggi.

Inisiatif akses kepada pembiayaan juga dilengkapi oleh penambahan saluran bagi memudahkan orang ramai mendapatkan pembelaan, maklumat dan nasihat berhubung perkara-perkara berkaitan perkhidmatan kewangan. Pusat Hubungan Bersepadu yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia, dan *ABMConnect* oleh Persatuan Bank-Bank di Malaysia berperanan sebagai saluran penghubung penting untuk menghubungkan sektor kewangan dengan orang ramai. Kesemua inisiatif ini memperlengkap rangka kerja institusi serba komprehensif yang sedia ada untuk menangani dengan lebih awal isu-isu yang mungkin timbul dalam sektor runcit dan korporat. Skim Resolusi Hutang Kecil (SDRS) yang diwujudkan pada tahun 2003 untuk membantu penyusunan dan penjadualan semula kemudahan kredit perniagaan kecil yang mempunyai pembiayaan tak berbayar berjumlah RM3 juta atau kurang, akan diperluas untuk merangkumi semua PKS berdaya maju yang mempunyai pembiayaan tak berbayar serta PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan kerana mengambil pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan. Ini adalah untuk membantu PKS yang

berdaya maju untuk menyusun atau menjadualkan semula hutang/pembiayaan dalam persekitaran ekonomi semasa yang mencabar. Skop SDRS akan diperluas berkuat kuasa 30 Mac 2009. Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) yang ditubuhkan pada tahun 2006 untuk memberikan khidmat kaunseling kewangan dan nasihat pengurusan hutang kepada sektor isi rumah telah memperluas rangkaian cawangannya ke seluruh ibu negeri agar dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Meskipun kedudukan hutang dan keupayaan membayar hutang syarikat Malaysia masih pada tahap yang baik, namun sebagai langkah awalan untuk memastikan syarikat berdaya maju boleh berdepan dengan persekitaran semasa yang mencabar, Bank akan mengaktifkan semula dan menambah baik Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC). Ini akan memperlengkap beberapa langkah yang telah dilaksanakan untuk menangani isu pengurusan hutang yang dihadapi oleh sektor isi rumah dan PKS, dan juga langkah untuk meningkatkan dan memastikan akses kepada pembiayaan adalah berterusan. Jawatankuasa ini akan menyediakan mekanisme untuk penyelesaian awal dan berkesan di luar mahkamah kepada syarikat yang berdaya maju tetapi mempunyai masalah aliran tunai sementara akibat keadaan semasa yang sangat mencabar. Langkah ini bertujuan untuk membuat jangkaan awal kemungkinan berlakunya mungkir dan kegagalan pramatang syarikat yang berdaya maju, mengelakkan mungkir silang (cross-default) dan memastikan perjalanan sistem kewangan yang teratur, lantas mengekalkan guna tenaga dan kapasiti produktif dalam ekonomi. Jawatankuasa ini akan memudahkan penyusunan semula peminjaman korporat dengan pelbagai pemiutang dan instrumen hutang, termasuk sekuriti hutang swasta.

Salah satu langkah utama yang diambil oleh Kerajaan dan Bank pada tahun 2008 ialah pemberian jaminan menyeluruh bagi semua deposit ringgit dan mata wang asing yang disimpan di institusi kewangan di bawah kawal selia Bank. Sejajar dengan inisiatif serantau untuk memelihara keyakinan terhadap sistem kewangan masing-masing dalam menghadapi kemelut kewangan antarabangsa, langkah pencegahan awal ini bertujuan memelihara kestabilan dan daya saing sektor kewangan domestik. Jaring keselamatan kewangan juga diperluas kepada sektor insurans dengan membolehkan syarikat insurans mendapatkan bantuan mudah tunai Bank.

Bagi memastikan pasaran kewangan terus membangun dan dinamik, dan selaras dengan cadangan Pelan Induk Sektor Kewangan, Kerajaan telah menubuhkan Institusi Jaminan Kewangan (Financial Guarantee Institution, FGI) untuk menawarkan penambahbaikan kredit bagi syarikat-syarikat berdaya maju untuk mendapat akses kepada pasaran bon. FGI akan memudahkan syarikat untuk mendapat akses berterusan kepada pasaran bon bagi memperoleh dana, mengurangkan kos pembiayaan, menangani potensi tempoh matang yang tidak sepadan dan juga mempelbagaikan risiko dan sumber pembiayaan dalam sistem kewangan.

Dalam sektor insurans, Bank terus berusaha melaksanakan penggabungan dan rasionalisasi untuk menangani industri yang mempunyai banyak bilangan peserta kecil (fragmentation), khususnya dalam sektor insurans am. Kajian semula bagi meliberalkan garis panduan kawalan kos operasi yang akan meningkatkan sinergi kos dan inovasi produk dalam industri insurans juga kini dalam peringkat akhir. Fleksibiliti yang lebih juga akan diberikan kepada penanggung insurans untuk memanfaatkan bankasurans sebagai saluran pengagihan utama ke arah meningkatkan keuntungan dan penembusan insurans dalam negara.

Sejajar dengan inisiatif Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre, MIFC), kemajuan seterusnya dicapai pada tahun 2008 dengan penambahan peserta kewangan Islam antarabangsa yang baharu di Malaysia. Satu lesen Bank Islam Antarabangsa (International Islamic Bank, IIB) dan satu lesen Pengendali Takaful Antarabangsa (International Takaful Operator, ITO) telah diberikan kepada institusi kewangan asing, sementara lima institusi kewangan domestik dan asing telah diberikan kelulusan untuk menubuhkan Unit Perniagaan Matawang Antarabangsa (International Currency Business Unit, ICBU). Pelesenan syarikat takaful semula yang terbesar di dunia pada tahun 2008 juga merupakan pencapaian penting dalam pembangunan takaful semula di negara ini. Sokongan terhadap inisiatif MIFC telah dipertingkatkan dengan penubuhan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (International Shariah Research Academy for Islamic Finance, ISRA) pada bulan Mac 2008, yang berperanan untuk mempertingkatkan interaksi dan pertukaran pendapat di kalangan peserta industri dan cendekiawan. Kesedaran akademik tentang kewangan Islam turut dipertingkatkan menerusi penawaran program peringkat PhD dan Sarjana dalam kewangan Islam oleh Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) masing-masing pada Januari dan Jun 2008. Bank juga telah memulakan inisiatif mewujudkan pengekodan komprehensif bagi kontrak Syariah yang dikenali sebagai Parameter Syariah. Parameter ini akan meningkatkan penerapan praktikal peraturan dan prinsip Syariah, menjelaskan dan menggalakkan penerapan kontrak Syariah yang lebih konsisten dalam sistem kewangan Islam.

Kekuatan yang menyumbang kepada kestabilan keseluruhan kewangan Islam itu sendiri telah digarap daripada prinsip Syariah yang berlandaskan nilai-nilai sejagat yang diterima ramai, iaitu, tadbir urus yang baik, amalan yang beretika, dan ketelusan urus niaga. Kewangan Islam mewajibkan setiap urus niaga disokong oleh aktiviti asas yang produktif dan penyaluran dana kepada sektor-sektor ekonomi benar. Ini seterusnya mengurangkan dedahan urus niaga kewangan Islam kepada risiko berkaitan dengan hutang yang berlebihan dan pengambilan risiko yang tidak berhemat. Jika semua institusi kewangan dapat mencontohi amalan yang dipraktikkan dalam sistem kewangan Islam, kestabilan keseluruhan sistem kewangan akan menjadi lebih kukuh.

Walaupun kestabilan kewangan terus menjadi matlamat paling utama, pembangunan modal insan juga merupakan satu agenda penting untuk menyokong pembangunan jangka panjang dan prospek pertumbuhan sektor kewangan. Oleh itu, Bank bersama-sama Suruhanjaya Sekuriti telah menubuhkan Pusat Pendidikan Perkhidmatan Kewangan (Financial Services Education Centre, FSEC) pada tahun 2008 untuk meningkatkan kerjasama dan kecekapan antara institusi latihan yang sedia ada dalam penawaran latihan bermutu tinggi bagi sektor kewangan.

Bagi membolehkan Bank terus melaksanakan peranannya dengan berkesan dalam memelihara kestabilan kewangan bagi tahun-tahun yang akan datang, satu rangka kerja perundangan yang lebih teguh juga sedang dibangunkan dengan cadangan Akta Bank Negara Malaysia yang akan memberikan penjelasan lebih baik mengenai mandat kestabilan kewangan Bank dan dalam mengawal dan menyelia institusi kewangan serta membangunkan sistem kewangan negara yang mantap lagi progresif.

Memandangkan pentingnya bagi sistem pembayaran untuk berfungsi dengan lancar dalam mengekalkan kestabilan kewangan, pembangunan sistem pembayaran yang selamat, terjamin dan cekap terus menjadi fokus Bank. Ini dilengkapi oleh usaha berterusan untuk mempertingkatkan dan memodenkan sistem berkenaan bagi mencapai tahap kecekapan dan kepercayaan yang lebih tinggi. Langkah-langkah yang telah diambil dalam tahun-tahun yang lepas untuk memelihara keberkesanan sistem lantas telah menampakkan hasil apabila sistem pembayaran kekal berdaya tahan dan terus beroperasi dengan lancar pada tahun 2008 tanpa sebarang gangguan yang ketara.

Pada tahun 2008, Bank telah menubuhkan satu subsidiari pembayaran yang dikenali sebagai Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn. Bhd. (MyClear) untuk mengendalikan Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti secara Elektronik Masa Nyata (Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities, RENTAS) dan Sistem Pemangkasan dan Penukaran Cek (eSPICK), di samping menerajui agenda Bank untuk berpindah kepada e-pembayaran. Penubuhan MyClear memperkukuh lagi tanggungjawab pengawasan Bank terhadap RENTAS dan eSPICK, lantas membantu menyokong pemantauan yang lebih berkesan, penaksiran bebas, dan penilaian dan pemantauan pelbagai jenis risiko sistem pembayaran utama.

Memandangkan pembayaran secara elektronik mempunyai banyak kelebihan dari segi kos berbanding dengan cara pembayaran berasaskan kertas, Bank meneruskan peranan aktifnya menggalakkan penggunaan pembayaran secara elektronik yang lebih meluas. Kerajaan kekal komited dalam mempercepat kadar perpindahan kepada e-pembayaran dalam ekonomi, dengan kira-kira 95% daripada jumlah pembayaran oleh Kerajaan, dari segi jumlah, dibuat melalui saluran elektronik. Sementara itu, 89 agensi Kerajaan telah menawarkan 148 perkhidmatan pembayaran dalam talian pada akhir tahun 2008. Institusi

kewangan telah memainkan peranan utama dalam menggalakkan orang ramai untuk menerima pakai perkhidmatan e-Kerajaan. Ini dilakukan dengan mewujudkan kesedaran terhadap penjenamaan pembayaran melalui talian milik Kerajaan yang dikenali sebagai “myBayar”, dan juga dengan menyediakan akses mudah kepada orang ramai untuk membuat pembayaran melalui kaedah ini. Sepanjang tahun 2008, Bank juga telah berusaha bersama-sama industri insurans dan sekuriti untuk mengatasi halangan bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada penerima, seperti ajuster, pemilik bengkel kereta dan broker, di samping pembayaran dividen dan jual-beli saham, melalui saluran elektronik. Bayaran bank untuk pemindahan wang melalui sistem RENTAS telah dikurangkan dan Komisen Pertukaran Dalam Negeri sebanyak 0.03% bagi pindahan wang telah dihapuskan pada tahun 2008. Penyelesaian terhadap perbezaan harga antara cara pembayaran berasaskan kertas berbanding dengan e-pembayaran serta penyediaan insentif yang berkesan untuk menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran akan menjadi bidang tumpuan utama Bank pada masa akan datang.

Memandangkan persekitaran kewangan global yang tidak menentu, sektor kewangan dijangka melalui tahun yang penuh dengan cabaran. Bank akan terus menumpukan pada inisiatif reformasi dan peningkatan kapasiti untuk memastikan sistem kewangan tetap berdaya tahan dan mantap di samping terus dapat memenuhi fungsi pengantaraan kewangan. Pengawalseliaan kehematan juga akan dipertingkatkan untuk membendung pengambilan risiko yang berlebihan, di samping dilengkapi oleh peningkatan fungsi pemantauan dan pengawasan untuk memastikan gangguan yang mungkin timbul dapat ditangani dengan pantas dan lebih awal. Fasa pembangunan sektor kewangan seterusnya akan diterajui oleh pelan liberalisasi Bank dengan sasaran strategik untuk mempertingkatkan sumbangan sektor perkhidmatan kewangan kepada pertumbuhan ekonomi negara. Peranan sektor kewangan sebagai pemangkin yang berkesan bagi pertumbuhan ekonomi akan diperkukuh lagi, di samping memperkasakan kelebihan kompetitif Malaysia dalam bidang kewangan Islam. Dalam meneruskan agenda liberalisasi, pengajaran daripada kemelut kewangan global semasa akan terus digunakan bagi memastikan tahap liberalisasi berpadanan dengan keupayaan sektor kewangan untuk menghadapi kesan perubahan landskap. Bagi memperkukuh keupayaan untuk menghadapi risiko keinstitusian dan sistemik dalam sektor kewangan, Bank akan mempertingkatkan sistem pengawasan, mengukuhkan pengaturan keinstitusian bagi menghadapi ancaman kepada sistem kewangan, menambah baik struktur insentif, menggalakkan amalan tadbir urus korporat dan pengurusan risiko yang mantap, serta menyediakan persekitaran yang sewajarnya bagi meningkatkan disiplin pasaran.

Bank Negara Malaysia
25 Mac 2009